# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 18 JANUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | KPKM BERI AMARAN, TINDAKAN TEGAS KEPADA PENGILANG GAGAL PATUHI LESEN, NASIONAL, SH -11<br>KILANG BERAS KENA DENDA RM12,000, NEGARA, KOSMO -16 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 3. | RABIES ALERT IN KUCHING, BINTULU, NATIONAL, THE SUN -5 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 4.<br>5.<br>6. | SISTEM PENGAIRAN EFEKTIF BOLEH ATASI SAWAH PADI JERLUS, DALAM NEGERI, UM -4<br>TOO WET FOR GROWING PADI, NATION, THE STAR -6<br>ASSEMBLYMAN LOCKS HORNS WITH CATTLE FARMERS, NATION, THE STAR -6 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 11 |

# KPKM beri amaran, tindakan tegas kepada pengilang gagal patuhi lesen

**ALOR SETAR** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi amaran akan mengenakan tindakan tegas terhadap pengilang yang didapati gagal mematuhi peraturan lesen sekali gus memberi kesan terhadap bekalan beras tempatan.

KPKM dalam satu kenyataan pada Rabu memberi peringatan kepada pengilang padi, pemborong dan peruncit beras selaku pemegang lesen supaya mematuhi peruntukan perundangan bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

"Tindakan penguatkuasaan yang tegas akan diambil sekiranya pemegang lesen gagal mematuhinya.

"Bekalan beras tempatan di pasaran sejak beberapa bulan lepas telah mengalami gangguan susulan peningkatan permintaan terhadap beras putih tempatan.

"Bagi memastikan bekalan terjamin, KPKM giat melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi di samping melaksanakan aktiviti penguatkuasaan di sepanjang rantaian bekalan padi dan beras dalam negara," jelas kenyataan itu.

Terdahulu, Mahkamah Majistret Yan, Kedah pada Isnin lalu telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM12,000 terhadap Kilang Beras Seng Wor Sdn Bhd selepas mengaku bersalah atas dua kesalahan.

Kesalahan itu termasuk menjual 250 kilogram beras gred hancur kepada pihak tidak berlesen dan kesalahan perselisihan kuantiti beras hancur pada rekod berbanding stok fizikal dalam milikan sebanyak 10,593.70 kilogram.


KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
*Ministry of Agriculture and Food Security*

SIARAN MEDIA

PENGILANG BERAS DIJATUHI HUKUMAN ATAS DUA KESALAHAN BERKAITAN URUS NIAGA BERAS

ALOR SETAR, 17 JANUARI 2024 -

**Kenyataan media KPKM berhubung tindakan dikenakan ke atas pengilang yang gagal mematuhi lesen.**

Hukuman itu membabitkan denda sebanyak RM7,000 bagi pertuduhan pertama dan RM5,000 bagi pertuduhan kedua dan hasil rampasan bernilai RM25,000 dijadikan hasil kerajaan.

Dalam pada itu, KPKM meminta kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat atau aduan mengenai aktiviti berkaitan padi dan beras yang menyalahi undang-undang supaya melaporkan kepada beberapa saluran disediakan.

Antaranya portal aduan *https://skpb.kpkm.gov.my/adu*, e-mel ke *aduankpb@kpkm.gov.my* atau hubungi talian **03-8870 1751/1748/1183.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Simpan stok tanpa rekod, jual beras hancur kepada pihak tidak berlesen

# Kilang beras kena denda RM12,000

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

**PUTRAJAYA** – Sebuah kilang beras di Kedah didenda RM12,000 oleh Mahkamah Majistret Yan, Kedah kelmarin, selepas didapati bersalah atas dua pertuduhan menjual beras hancur kepada pihak tidak berlesen dan menyimpan stok tanpa rekod.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, pendakwaan itu dilakukan selepas penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kedah bertindak membuat pemeriksaan stok beras di premis perniagaan Kilang Beras Seng Wor Sdn. Bhd. di Kota Sarang Semut pada 7 Oktober lalu.

"Terdahulu, hasil pemeriksaan mendapati, kilang itu telah menjual sebanyak lima guni berisi beras gred hancur berjumlah 250 kilogram (kg) kepada pihak yang tidak memiliki lesen pada 24 September 2023.

"Pemeriksaan yang dijalankan juga mendapati terdapat perselisihan kuantiti beras hancur dalam milikan berbanding penyata rekod stok yang diberikan oleh pengilang.

"Dalam perkara ini, pihak KPB Kedah telah bertindak merampas 10,593.70 kg beras hancur berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.



**SEBUAH kilang di Kota Sarang Semut, Yan didenda RM12,000 oleh Mahkamah Majistret atas dua kesalahan berkaitan menyimpan stok beras dan menjual kepada pihak tidak berlesen.** – GAMBAR HIASAN

Katanya, kilang berkenaan telah melakukan dua kesalahan iaitu di bawah Peraturan 9(1)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996 [PU(A) 624].

"Bagi kesalahan kedua, terdapat perselisihan kuantiti beras dengan maklumat yang diberikan melalui Penyata Deklarasi Stok Beras Dalam Milik/Kawalan di bawah Seksyen 7(1)(a).

"Siasatan mendapati telah berlaku pelanggaran di bawah Seksyen 8(2) Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22(2) Akta sama," ujarnya.

Justeru itu, katanya, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM7,000 bagi pertuduhan pertama dan RM5,000 bagi pertuduhan kedua terhadap kilang tersebut.

"Manakala, semua rampasan bernilai RM25,000 dijadikan hasil kerajaan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 18/1/2024 | THE SUN | NATIONAL | 5 |

# Rabies alert in Kuching, Bintulu

**KUCHING:** Bintulu and Kuching have been declared rabies-infected areas, said Sarawak Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

He added that 12 dogs tested positive, eight of which were in Kuching, one each in Padawan and Bau, and two in Bintulu.

"All the dogs were free-roaming and unvaccinated strays. I would like to remind the public to take extra precautions and go to the clinic if bitten by an animal," he said.

On Tuesday, Stephen said he had also signed an anti-rabies vaccination order under Section 40 (1) Veterinary Public Health Ordinance 1999, which requires all dogs in the state to be subjected to anti-rabies vaccination and annual boosters, adding that dog owners must be responsible for ensuring their pets are given the anti-rabies vaccine.

"Any owner or person in charge of a dog who fails to comply shall be liable to a fine of up to RM2,500. Dogs that are already exposed to rabies and do not have proper evidence of vaccination will be put to sleep," he said.

"The public can get their free dog anti-rabies vaccination at any government veterinary offices or during mass vaccination programmes, which will be announced from time to time on the official Sarawak DVS Facebook page. This year, we target to vaccinate up to 50,000 dogs."

Sarawak recorded 16 deaths last year from 18 human rabies cases. The total cases since July 2017 stands at 73, with 66 deaths. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Sistem pengairan efektif boleh atasi sawah padi jerlus

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kawal selia sistem pengairan yang lebih efektif diyakini dapat membantu hasrat kerajaan untuk memulih dan membangunkan kawasan sawah padi jerlus agar tahap sara diri (SSL) pengeluaran beras negara dapat ditingkatkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, masalah sawah padi jerlus bukan sahaja menjejaskan pengeluaran padi bahkan menambah kos pesawah untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, tanah sawah jerlus bukan sahaja disebabkan faktor cuaca tetapi bekalan air atau saliran untuk penanaman padi yang tidak diuruskan dengan baik turut menyumbang kepada masalah itu.

"Contohnya usia pokok padi yang sudah menjangkau 60 ke 70 hari selepas ditanam perlu dikurangkan air dalam petak sawah tetapi jika air masih separas batas sawah pada usia itu maka ia akan memberi kesan selanjutnya.

"Ini kerana proses membajak ketika tanah sawah padi kering adalah lebih baik untuk mengelak masalah tanah jerlus berbanding jika bendang yang masih berair," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas langkah itu yang merupakan antara 12 inisiatif diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menerusi Gelombang Padi bagi menambah baik mekanisme pelaksanaan sedia ada serta hala tuju baharu industri padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, selain memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus, antara inisiatif dalam Gelombang Padi adalah memperkenalkan Dasar Baharu Insentif Benih Padi Sah (IBPS); memperkasa pembekalan input pertanian dan memperkukuh pengurusan air ke kawasan tanaman padi.

Di Kedah, terdapat 1,662.38 hektar tanah jerlus di Kawasan Muda meliputi keluasan mengalami kerosakan tanaman padi sebanyak 788.75 hektar dan kawasan berisiko jerlus seluas 873.63 hektar sehingga 31 Januari 2023.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, kerajaan juga perlu melihat kembali bantuan kapur yang merupakan input digunakan untuk membaiki tanah jerlus seperti terkandung dalam Skim Insentif Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara (DJBM) sebelum ini.

"Saya tidak pasti sama ada bantuan itu masih diteruskan sehingga kini kerana tanpa insentif berkenaan sudah tentu akan menambah beban pesawah untuk membeli kapur yang kini harganya sudah mencecah puluhan ringgit sekampit," katanya.

Tambahnya, kerajaan juga perlu memikirkan kaedah yang lebih cepat untuk mengatasi masalah sawah jerlus kerana proses biasa kini mengambil masa sehingga dua bulan.

"Mungkin ada teknologi berkaitan yang boleh diteroka oleh pihak terlibat," katanya.

Gelombang Padi perkenal 12 inisiatif tingkat tahap sara diri beras negara

## Pulih sawah padi jerlus

UTUSAN Malaysia 17 Januari 2024.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/1/2024 | THE STAR | NATION | 6 |

# Too wet for growing padi

## Floods have caused RM24.5mil in damage to rice yields

By KHOO GEK SAN
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The ongoing floods have affected rice yields in the country, with estimates suggesting a cumulative damage worth some RM24.5mil, says the Agriculture and Food Security Ministry.

As of Jan 15, floods had affected at least 2,542 padi farmers across six states.

"The states bearing the brunt of this catastrophe include Perak, Negri Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, and Pahang," the ministry said when contacted.

According to data compiled by the ministry, the north-east monsoon event has adversely affected approximately 5,262.17ha of rice fields.

Currently, the Agriculture Department and various technical agencies at the district and state levels are actively working on collecting data to enable aid to be channelled.



**Way too much water:** Rice farmer Zakaria Yusop looking at his flooded rice field in Rompin, Pahang. — Bernama

When asked about the impact of floods and the rainy season on the rice harvest, the ministry said this year's harvest will definitely be affected.

"But it depends on the extent of damage that occurs," it added.

In a statement on Tuesday, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) issued a continuous rain warning at alert level for Kuantan, Pekan, and Rompin in Pahang, along with Kluang, Mersing, Kulai, Kota Tinggi, and Johor Baru in Johor.

Rice farmers also expressed their concern over the potential impact of weather events on this year's harvest, with Abdul Rahim Md Husein, 57, from Tangkak, Johor, concerned over the possibility of his fields being flooded.

He said Tangkak has experienced floods in previous seasons, resulting in significant losses for farmers who did not receive timely assistance.

With the recent rainfall in Johor, Abdul Rahim is worried the region might face flooding again, potentially affecting the next harvest scheduled for February.

Flooded rice fields lead to abnormal plant growth as the plant's access to oxygen and sunlight are reduced, thus limiting the plant's ability to photosynthesise.

In addition to this, rice stems have nodes that can break when there is great pressure from strong wind or rain.

Cloudy skies that send rain also means less daylight is available, making the rice plants weaker.

"In general, during the rainy season, young rice seedlings may be affected. If a flood occurs close to the harvest, farmers will incur substantial losses," said Abdul Rahim, who added that the planting seasons in Johor are in February and October.

Allen Lim, secretary of the Malaysia Rice Grain Wholesalers Association, said Selangor farmers also worry about the impact of continuous rain on the rice planting schedule.

"Frequent rainfall will certainly affect planting. The new planting season is in February.

"Although Sekinchan (home to Malaysia's most productive rice fields on yield per hectare basis) has not experienced flooding, excessive rainfall can submerge padi fields, affecting the seedlings.

"If rain continues into February, rice farmers are concerned about the impact on this year's rice harvest," he said.

# Assemblyman locks horns with cattle farmers

By RSN MURALI
murali@thestar.com.my

**MELAKA:** A Melaka executive councillor is turning into a "cow wrangler" to resolve the issue of livestock being a hazard to road users in Merlimau here.

State rural development, agriculture and food security committee chairman Dr Muhamad Akmal Saleh has been locking horns with cattle farmers whose cows are posing a risk to drivers and motorcyclists and encroaching into properties.

"I have received complaints from locals about cattle roaming freely without the supervision of cowherds," he said yesterday after he posted a video about the issue on TikTok.

Dr Muhamad Akmal, who is Merlimau assemblyman, said there were fatal incidents involving the livestock.

In the video, he says the cows are devouring crops and serious measures have to be taken to stop the menace of farmers leaving their livestock unattended.

He said he has opted to use tranquilliser guns to control the freely roaming cows.

"This is to teach the stubborn farmers that we will no longer tolerate their lackadaisical attitude and to prevent their cows from posing a risk to motorists.

"I will use the same method throughout the state if the farmers keep ignoring our call."

In the video, Dr Muhamad Akmal and his volunteers are seen capturing one bull and loading it onto a truck.

When interviewed, A. Rajendran, 40, a local in Merlimau, said many vehicles were badly damaged after ramming into cows at various stretches in the district.

"Motorists are unable to avoid the animals, especially in dark areas," he said.

He added that the stray cattle problem in Merlimau has been prevalent for a long time and worsened in the last decade due to the increasing number of cows there.

Rajendran said Dr Muhamad Akmal wants to find an effective solution to the problem.